

MUKADIMAH ALU-ALUAN

YANG BERHORMAT,

PEHIN ORANG KAYA SERI KERNA

DATO SERI SETIA (DR) HAJI AWANG ABU BAKAR BIN HAJI APONG

MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI

SELAKU

PENGERUSI JAWATANKUASA KEBANGSAAN

SAMBUTAN PERAYAAN ULANG TAHUN KEPUTERAAN

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN

DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

YANG KE-76 BAGI TAHUN 2022

MESYUARAT PERTAMA

JAWATANKUASA KEBANGSAAN

SAMBUTAN PERAYAAN ULANG TAHUN KEPUTERAAN

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN

DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

YANG KE-76 TAHUN BAGI TAHUN 2022

PADA HARI SABTU, 13 SYAWAL 1443

BERSAMAAN 14 MEI 2022

BILIK PERSIDANGAN WEST WING,

BANGUNAN JABATAN PERDANA MENTERI,

JALAN PERDANA MENTERI, BANDAR SERI BEGAWAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَبِهِ نَسْتَعِينُ عَلَىٰ أُمُورِ الدُّنْيَا وَالدِّينِ
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ سَيِّدُنَا مُحَمَّدٌ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Amat Mulia,
Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin
Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar,
Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara;

Yang Mulia,
Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei;

Yang Mulia,
Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei;

Yang Mulia Setiausaha Tetap-Setiausaha Tetap;

Yang Mulia Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap;

Yang Mulia Pegawai dan Pemangku Pegawai-Pegawai Daerah, serta
Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan;

1. Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala kerana dengan izin-Nya jua kita dapat bersama-sama menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-76 bagi Tahun 2022 Kali Pertama pada hari ini dalam suasana bulan Syawal yang mulia.
2. Peramba/kaola/saya sukacita menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih di atas keberangkatan Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar, Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara dan mengucapkan terima kasih di atas kehadiran ahli-ahli Jawatankuasa ke Mesyuarat kita pada pagi ini.
3. Pada kesempatan ini juga Peramba/kaola/saya sukacita menyembahkan dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas lantikan Ahli-Ahli bagi Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-76 dan juga mengalu-alukan kehadiran ahli-ahli baru khususnya dari sektor swasta.
4. Dalam mesyuarat ini, kita akan meneliti rancangan-rancangan yang dicadangkan bagi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-76. Dalam meneliti

cadangan acara-acara Sambutan Perayaan ini, kita memahami bahawa Negara Brunei Darussalam masih lagi di fasa awal Endemik yang akan berakhir pada 31 Mei 2022. Kita bersyukur status COVID-19 pada masa ini adalah terkawal dengan berkurangnya kes jangkitan yang kita percaya adalah atas kurnia Allah subhanahu wa taala dan hasil daripada sokongan padu dan kerjasama erat seluruh rakyat dan penduduk di negara ini dalam mengamalkan Standard Operating Procedures (SOPs). Sehubungan ini, pihak Kementerian Kesihatan akan memberikan taklimat mengenai dengan kedudukan COVID-19 dan jangkaan situasi COVID-19 pada pertengahan bulan Julai 2022 untuk memberikan Jawatankuasa ini panduan dalam merancang dan melaksanakan rancangan-rancangan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

5. Pada tahun 2021 dengan status COVID-19, kita telah dapat melaksanakan sebahagian dari acara-acara utama Sambutan Perayaan termasuklah Majlis-Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat di keempat-empat Daerah yang dilaksanakan dalam sekala sederhana dan format yang sedikit berbeza dari sebelumnya. Acara-acara ini telah dapat dilaksanakan walaupun menghadapi beberapa cabaran seperti masa yang singkat untuk latihan dan membuat persiapan-persiapan lainnya.
6. Pada tahun ini kita juga akan menghadapi cabaran-cabaran yang sama. Dalam hubungan ini, adalah mustahak untuk Jawatankuasa-Jawatankuasa Kerja yang berkenaan untuk berusaha mengatasi perkara-perkara ini menerusi perundingan dan permuafakatan

bersama-sama agensi-agensi yang berkenaan. Sokongan padu serta semangat kerja berpasukan seperti yang ditunjukkan pada masa lalu oleh semua pihak yang terlibat, perlulah dikekalkan bagi memastikan acara-acara Sambutan Perayaan pada tahun ini juga akan dapat dilaksanakan dengan teratur dan sempurna seperti tahun-tahun sebelumnya.

7. Kejayaan dan penglibatan semua pihak dalam pengendalian acara-acara Sambutan Perayaan, adalah juga membuktikan komitmen, tanda cinta dan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku raja dan pemimpin tertinggi Negara yang mengasihi, memaduli dan prihatin terhadap kesejahteraan hidup rakyat dan penduduk di Negara ini.
8. Sambutan perayaan ini adalah juga merupakan salah satu acara sambutan yang sangat penting dan bermakna bagi seluruh lapisan rakyat dan penduduk negara ini dan juga turut mendapat perhatian dari negara-negara luar. Acara-acara sambutan perayaan khususnya Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat adalah merupakan peluang yang sentiasa dinanti-nantikan oleh semua lapisan rakyat dan penduduk di Negara ini untuk bersua muka dengan raja yang dikasihi. Selain sebagai wadah perpaduan masyarakat berbagai lapisan di negara ini, Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan adalah juga merupakan satu manifestasi rasa kesyukuran atas nikmat keamanan dan kemakmuran negara ini di bawah kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam. Apa yang lebih membanggakan, ialah penglibatan golongan generasi muda yang terdiri daripada para belia dan penuntut-penuntut sekolah yang turut berpeluang untuk membuat persembahan bakat masing-masing. Penglibatan golongan generasi muda ini adalah juga merupakan lambang pengukuhan jati diri dan semangat kebangsaan yang menjadi teras kemajuan dan pembangunan Negara Brunei Darussalam pada masa ini dan akan datang.

9. Harapan peramba/kaola/saya selaku Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-76 pada tahun ini supaya Jawatankuasa-Jawatankuasa akan dapat membuat penambahbaikan berpandukan pengalaman pada tahun lalu dan akan dapat melaksanakan acara-acara yang dirancang dengan komitmen, semangat kerjasama erat dan padu. Apatah lagi, dalam kita menghadapi cabaran waktu yang singkat dan situasi yang sukar diramal dalam fasa endemik COVID-19. Dalam membuat persediaan bagi mengatur rancangan sambutan ini, adalah mustahak supaya kita memberikan perhatian serius kepada aspek Kesihatan, Keselamatan, Keamanan dan Persekutaran (Health, Safety, Security and Environment HSSE) bagi memastikan keselamatan peserta yang mengambil bahagian, dan orang ramai dalam keadaan selamat.

10. Akhirnya, peramba/kaola/saya sekali lagi sukacitanya menyembahkan dan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Jawatankuasa yang menghadiri mesyuarat ini.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.